

NC ketuai Kayuhan Kemerdekaan

Dijalankan di sekitar Kampus UTHM bagi membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan warganya

BATUPAHAT - Sempena bulan kemerdekaan ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menganjurkan program bagi membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi awam itu.

Program dikenali Kayuhan Kemerdekaan itu diketuai Naib Canselornya, Professor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin yang dilaksanakan di sekitar kampus berkenaan.

Menurutnya, program kayuhan basikal itu anjuran bersama Pejabat Pendaftar dan Kelab Kebajikan Staf Pejabat Canselori (Kasturi) yang melibatkan pimpinan universiti dan ahli kelab berkenaan.

Beliau berkata, kayuhan itu yang bakal dijadikan program

tahunan, diadakan bersempena majlis pelancaran sambutan bulan kemerdekaan ke-58 peringkat universiti tersebut.

Jelasnya, kayuhan sepanjang enam kilometer mengelilingi kampus itu bertujuan mengedarkan Jalur Gemilang kepada pusat tanggungjawab di UTHM untuk dikibarkan sepanjang bulan kemerdekaan ini.

"Satu majlis pelancaran turut diadakan pada hari sama bertujuan untuk menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan Negara ke-58, bagi meniup semangat kemerdekaan dalam kalangan warga UTHM.

"Di samping itu, ia juga sebagai salah satu inisiatif untuk memupuk dan menyemai semangat patriotisme dan cinta-



Mohd Noh mengetuai kayuhan di pekarangan Kampus UTHM bagi menyerahkan Jalur Gemilang kepada warganya.

kan negara dalam kalangan warga universiti," katanya

Dalam pada itu, Mohd Noh menyerahkan Jalur

Gemilang kepada pendaftar sebagai simbolik Pelancaran Bulan Kemerdekaan ke-58 dan turut melekatkan bende-

ra Malaysia itu pada kenderaan UTHM.

Beliau berkata, sambutan peringkat UTHM yang ber-

mula pada 17 Ogos hingga 16 September ini akan dipenuhi pelbagai aktiviti seperti Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil.

Menurutnya, ia bakal dihiasi dengan kibaran Jalur Gemilang di setiap kenderaan milik warga universiti, penyertaan perbarisan kemerdekaan peringkat negeri, tayangan video dokumentari dan filem patriotik

"Majlis penutup bulan kemerdekaan yang dijadualkan berlangsung pada pertengahan September akan datang, juga bakal diadakan dengan penuh meriah," katanya

HEBAHKAN
AKTIVITI KOMUNITI ANDA 9
emel: [mohd.hanafiah@
sinarharian.com.my](mailto:mohd.hanafiah@sinarharian.com.my)

